



**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
MENARA MPKj
JALAN CEMPAKA PUTIH
OFF JALAN SEMENYIH
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN**

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Tender	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj T 8/2021	Kerja-kerja Membina Jejantas Pejalan Kaki Dan Lampu Isyarat Ke Taman Seroja Di Jalan Reko, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	CIDB G5	CE 02, CE 10 & CE 21	RM350.00	6 September 2021 Hingga 27 September 2021
MPKj T 9/2021	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Kampung Bukit Dukong, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	CIDB G6	CE 01, CE 21 & CE 34 (<i>Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan</i>)	RM350.00	9 September 2021 Hingga 30 September 2021

TAKLIMAT TENDER SECARA ATAS TALIAN

Petender adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat tender. Petender diminta untuk mengisi "google forms" melalui pautan yang disediakan. Pihak MPKj akan memberi tarikh dan masa taklimat tender serta pautan talian "google meet" melalui e-mel.

Pemilik / Penama Berdaftar diwajibkan untuk hadir taklimat tender ini. Hanya petender yang hadir taklimat tender boleh membeli dokumen tawaran.

"Google form" untuk projek **MPKj T8/2021**:

<https://forms.gle/mCfLzqxUNSiTXRuZ7>

Petender diminta untuk mengisi "google form" untuk T 8/2021 sebelum/ pada 27 Ogos 2021 jam 5 petang.



"Google form" untuk projek **MPKj T9/2021**:

<https://forms.gle/WuLA37vUGorv66rL6>

Petender diminta untuk mengisi "google form" untuk T 9/2021 sebelum/ pada 1 September 2021 jam 5 petang.



DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>

Petender terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup tender. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN TAWARAN

MPKj T 8/2021: Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **6 SEPTEMBER 2021 HINGGA 27 SEPTEMBER 2021**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

MPKj T 9/2021: Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **9 SEPTEMBER 2021 HINGGA 30 SEPTEMBER 2021**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan. Petender hendaklah menghantar Dokumen tersebut seperti ketetapan berikut **MPKj T 8/2021 SEBELUM atau PADA 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAHARI** dan **MPKj T 9/2021 SEBELUM atau PADA 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAHARI** (sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan). Dokumen Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan perkhidmatan **POS BERDAFTAR/ KURIER** sahaja dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba di alamat seperti berikut :

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebutharga/ Tender)
Aras Bawah, Bahagian Bekalan Dan Perolehan
Menara MPKj
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan**